

UEM Edgenta Perkenal Penyelesaian Perniagaan COVID-19 Menyeluruh yang Bertumpu kepada Keselamatan & Kesihatan di Tempat Kerja

- Syarikat kekal fokus untuk menyampaikan perkhidmatan berkesan dalam menyokong usaha pemulihan pasca pandemik negara - memulakan inisiatif transformasi penjagaan kesihatan digital;
- Menawarkan penyelesaian pengurusan COVID-19 yang komprehensif untuk memenuhi keperluan industri dan korporat Malaysia bagi memastikan kelancaran peralihan dalam persekitaran COVID-19.

KUALA LUMPUR, 8 Februari - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini telah memperkenalkan rangkaian penyelesaian perniagaan COVID-19 menyeluruh yang memberi tumpuan kepada keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Usaha ini sejajar dengan matlamat Syarikat untuk menyediakan penyelesaian yang terbaik dalam menangani wabak coronavirus kepada pasaran dan pelanggan di Malaysia.

Penyelesaian perniagaan COVID-19 ini diterbitkan secara dalam talian melalui laman web Syarikat (www.uemedgenta.com/covid19solutions) dan menyediakan pasaran dengan wawasan yang tersendiri merangkumi lima kategori utama penawaran perkhidmatan, dari Penyelesaian di Tempat Kerja; Saringan dan Ujian COVID-19; Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Digital; Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar (“HSE”); serta Aliran Pengurusan Kerja COVID-19, yang direka khusus untuk membantu perniagaan dalam mencegah krisis atau pengurusan tindak balas melalui persekitaran kerja yang lebih selamat dan bersih.

Kemuncak penyelesaian perniagaan UEM Edgenta adalah hasil daripada pengalaman Syarikat sebagai pengendali barisan hadapan utama, membantu negara mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dan penyelesaian kepada pelbagai pelanggan dalam bidang penjagaan kesihatan, harta tanah, lebuhraya, dan infrastruktur.

“Pada awal pandemik tahun lalu, fokus kami beralih kepada protokol dan keperluan operasi baharu pelanggan kami yang berkaitan COVID-19 di hospital,” kata Dr. Nik Fawaz Nik Abdul Aziz, Pengarah Urusan Edgenta Mediserve, anak syarikat UEM Edgenta yang menyediakan perkhidmatan sokongan hospital di 32 hospital Kementerian Kesihatan (“KKM”) di Malaysia.

“Adalah menjadi tanggungjawab UEM Edgenta untuk memastikan kesemua hospital yang berada di bawah jagaan kami tidak mengalami gangguan operasi, terutama sekali ketika berlaku situasi

kecemasan seperti bencana dan darurat. Alhamdulillah, usaha gigih kami bekerjasama dengan KKM selama lebih dua dekad untuk meningkatkan kesiapsiagaan dan kecekapan operasi dalam memastikan penyelesaian di hospital tidak terjejas telah membantu kami melancarkan tindak balas yang efisien dan menyeluruh bagi menangani wabak COVID-19 ini,” tambah Dr. Nik Fawaz.

Sejak bermulanya pandemik ini, UEM Edgenta telah meningkatkan usaha bantuan mereka dengan menyediakan pelbagai inisiatif dan sumber kepada kerajaan serta masyarakat secara umumnya, termasuk pembangunan Sistem Pengurusan Epidemik berasaskan awan (*cloud based*) untuk KKM dan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (“CPRC”) Kebangsaan, pembinaan Kemudahan Unit Rawatan Rapi Hibrid (“ICU”), sumbangan *ventilator* dan sistem pemantauan, serta turut menawarkan kemudahan ujian saringan COVID-19 secara pandu lalu, di pusat-pusat saringan *Polymerase Chain Reaction* (“PCR”) dan alat ujian *Rapid Test Kit* (“RTK”) COVID-19 di kawasan Lembah Klang.

Low Chee Yen, Ketua Pegawai Eksekutif UEMS Pte. Ltd., Syarikat penyedia perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan yang juga beroperasi di Singapura dan Taiwan, seterusnya menjelaskan bahawa pengalaman UEM Edgenta dalam memenuhi standard yang ditetapkan oleh kerajaan dan pihak berkuasa di seluruh rantau di mana ia beroperasi, membolehkan Syarikat mengenal pasti set amalan terbaik bagi memastikan penyelesaian daripada UEM Edgenta sentiasa berada pada tahap kualiti yang tertinggi.

Di samping itu, UEM Edgenta telah diiktiraf oleh Biro Veritas (“BV”), peneraju global dalam perkhidmatan pengujian, pemeriksaan dan pensijilan untuk penerapan prosedur dan protokol kesihatan, keselamatan dan kebersihan baharu di Ibu Pejabat Edgenta di Bangsar South. Pensijilan ini telah menjadikan Ibu Pejabat Edgenta sebagai bangunan korporat pertama di Malaysia yang diperakui oleh BV, setelah mematuhi pelaksanaan kecemerlangan kebersihan dan kawalan keselamatan di negara ini pada November 2020. Dengan gabungan kepakaran dan pengalaman UEM Edgenta serta BV, kedua-dua pihak akan bersama-sama menawarkan **Pensijilan Keselamatan Tempat Kerja UEM Edgenta – BV**, yang direka untuk menilai kecemerlangan kebersihan dan pematuhan kawalan keselamatan oleh organisasi korporat dan industri selaras dengan amalan dan cadangan terbaik peringkat global dan nasional.

Meskipun menghadapi cabaran dalam persekitaran operasi semasa, selain melindungi dan mendapatkan pembaharuan kontrak sedia ada di rantau ini, bahagian *Healthcare Support* UEM Edgenta turut memperoleh kontrak baharu di Singapura dan Taiwan, serta projek *ad-hoc* termasuk perkhidmatan pembasmian kuman di Malaysia dan Singapura. Antara pembaharuan kontrak pelanggan utama yang diperoleh pada suku ketiga tahun kewangan 2020 termasuklah Hospital Pantai Cheras, Pusat Perubatan Mahkota Melaka dan Regency Specialist Hospital di Johor; Hospital Alexandra di Singapura, Hospital Memorial Chang Gung dan Micron Technology, Inc. di Taiwan.

Walaupun sekatan perjalanan yang berpanjangan telah mengurangkan pergerakan di lebuh raya dan jalan raya serta jangkauan Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”) yang mungkin dilanjutkan, Syarikat terus bekerjasama dengan pelanggan dalam segmen penyelesaian infrastruktur untuk melaksanakan kecekapan berterusan dalam usaha untuk mengoptimumkan kos. Ini termasuk menerokai penyelesaian kelestarian lain melalui penggunaan penyelesaian turapan yang lebih selamat, mesra alam dengan kos yang efektif seperti penggunaan campuran asfalt kitar semula, yang kini sedang menjalani percubaan lapangan (*pilot phase*) di Taiping Perak.

Penawaran terbaharu ini adalah bukti tumpuan berterusan Syarikat untuk menyampaikan perkhidmatan cemerlang dalam menyokong usaha pemulihan pasca pandemik negara, bertindak sebagai peneraju kepada pelbagai perkhidmatan dan penyelesaian lain yang sedang dibangunkan dan dalam perancangan Syarikat, terutamanya dalam bidang penjagaan kesihatan digital. Salah satu inisiatif tersebut adalah penyelesaian klinik maya berasaskan laman web yang bertujuan untuk meningkatkan akses dan penyampaian yang proaktif, penyelarasan penjagaan pesakit utama di tengah-tengah persekitaran pandemik COVID-19, yang dijangkakan sebagai produk utama dalam rangkaian penyelesaian teknologi penjagaan kesihatan Syarikat.

UEM Edgenta juga mempunyai pengalaman dan kemahiran meluas yang mampu menyesuaikan penyelesaian bagi memenuhi keperluan pelbagai perniagaan, menggunakan produk terbaik di pasaran mengikut keutamaan yang berbeza, serta merancang SOP dan protokol khusus untuk para pelanggannya. Dengan limpahan teknologi yang telah terbukti, Syarikat dapat membantu perniagaan lain menyediakan dan melancarkan prosedur baharu, aplikasi teknologi dan penyelesaian di tempat kerja bagi membolehkan mereka dapat kekal bertahan dalam persekitaran COVID-19.

Penyelesaian perniagaan UEM Edgenta boleh dirujuk di www.uemedgenta.com. Untuk pertanyaan, sila hubungi 03-2773 3888 atau e-mel covid19services@edgenta.com.

-Siaran Media Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.